

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

AAW 331 - PERAKAUNAN LANJUTAN 3

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

---

**SOALAN 1**

Mercu Bhd. mendapat perintah pembubaran bertarikh 1 Julai 1999. Berikut adalah maklumat yang diperolehi:

(a)

Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 1999

Modal dibenar		<u>RM200,000</u>
Modal berbayar		
150,000 saham biasa RM1 dibayar pada 66.67 sen		100,000
Pengasingan untung dan rugi		<u>10,000</u>
Dana pemegang saham		110,000
Liabiliti jangka panjang:		
5% Gadai janji pegangan bebas	25,000	
8% Debentur	<u>50,000</u>	<u>75,000</u>
Liabiliti jangka pendek:		
Pemiutang	38,000	
Peruntukan cukai pendapatan	5,000	
Peruntukan cuti tahunan	<u>2,000</u>	<u>45,000</u>
		<u>230,000</u>
Aset semasa:		
Bank	7,000	
Penghutang	43,000	
Stok di tangan	<u>49,000</u>	99,000

...2/-

Aset jangka panjang:			
Tanah		20,000	
Bangunan (pada kos)	18,000		
Tolak: Susutnilai terkumpul	<u>6,000</u>	<u>12,000</u>	
Mesin dan peralatan	117,000		
Tolak: Susutnilai terkumpul	<u>18,000</u>	<u>99,000</u>	<u>131,000</u>
			<u>230,000</u>

(b) Pembubar mendapati gaji dan upah untuk beberapa orang pekerja berjumlah RM2,400 masih belum dibayar dan masih belum dinyatakan dalam kunci kira-kira.

(c) Aset yang dijangka boleh direalisasikan:

Penghutang	RM40,000
Stok di tangan	RM25,000
Tanah dan bangunan	RM50,000
Mesin dan peralatan	RM80,000

Dikehendaki:

- i) Menyedia penyata hal ehwal sepertimana dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965. [10 markah]
- ii) Menghurai dengan jelas kelas-kelas pemiutang [10 markah]
- iii) Menghurai dengan jelas kuasa dan tugas-tugas pemegang amanah raya (receivers) [5 markah]

## SOALAN 2

(a) Ikan Segar Sdn. Bhd. terlibat dalam operasi akuakultur. Ia beroperasi dengan menggunakan kolam-kolam dalam keluasan tanah 100 ekar untuk memelihara ikan. Berikut adalah maklumat kos berkaitan stok akuakultur pada 31 Disember 1998:

	Kelompok 1 RM'000	Kelompok 2 RM'000	Kelompok 3 RM'000
Kos terkumpul pada 31 Disember 1998 termasuk:			
Stok benih, makanan, baja, bahan kimia	120	180	240
Kos buruh langsung	20	30	60
Overhead pengeluaran	40	60	100
Kos untuk melengkap kitaran penternakan	200	190	60
Hasil ternakan dijangka (setelah mengambil kira kematian) dalam kilogram	10,000	18,000	24,000
Harga se kilogram	RM30	RM30	RM30

...3/-

Dikehendaki:

Syarikat bercadang untuk menilai stok akhir menurut MAS 5. Kirakan baki stok akhir seperti yang sepatutnya direkod dalam kunci-kira-kira pada 31 Disember 1998.

[10 markah]

b) Merujuk kepada MAS 5, terangkan maksud istilah-istilah:

- i) Akuakultur
- ii) Kapasiti angkut
- iii) Pusat kos
- iv) Unit kos boleh dikenalpasti
- v) Asas projek

[5 markah]

### SOALAN 3

(a) Pada 1 Januari 1998, Teras Bhd. menerima kontrak untuk membina sebuah kompleks sukan. Kontrak ini ialah kontrak harga tetap yang dinilai pada RM60 juta dan dijangka tempoh perlu untuk menyiapkannya ialah 2 tahun. Pembinaan bermula pada 1 Mac 1998 dan pada 31 Disember 1998 kos-kos yang terlibat adalah seperti berikut:

	RM'000
Bahan-bahan diguna	8,000
Kos sub-kontraktor	5,000
Buruh dan penyeliaan di tapak projek	3,000
Overhed diperuntuk	<u>2,000</u>
	<u>18,000</u>

Penerimaan sehingga 31 Disember 1998 berjumlah RM 15 juta

Pada 31 Disember 1998, kos dijangka sehingga projek siap adalah seperti berikut:

	RM'000
Bahan-bahan diguna	11,000
Buruh dan penyeliaan	12,000
Overhed diperuntuk	<u>6,000</u>
	<u>29,000</u>

Teras Bhd. menggunakan kaedah peratus siap kontrak untuk pelaporan. Peringkat siap diukur dengan merujuk kepada kos-kos terlibat hingga kini atas jumlah kos kontrak dijangka.

Dikehendaki:

- i) Mengukur peringkat siap kontrak pada 31 Disember 1998.
- ii) Menentukan pendapatan dan untung yang boleh diiktiraf atas kontrak untuk tahun 1998.
- iii) Menunjukkan catatan jurnal ringkas untuk merekodkan kos-kos terlibat, penerimaan dan pengiktirafan pendapatan untuk tahun 1998.
- iv) Menunjukkan pendedahan kerja dalam perkembangan (work in progress) yang sepatutnya di buat dalam pelaporan Teras Bhd. untuk 1998.

[14 markah]

(b) Menurut MAS 7, terangkan maksud istilah-istilah berikut:

- i) Kontrak pembinaan
- ii) Kontrak harga tetap
- iii) Kontrak kos tambah (cost plus contract)

[6 markah]

#### SOALAN 4

(a) Teroka Sdn. Bhd. memulakan operasi penanaman kelapa sawit pada 1 Januari 1995. Kos-kos berikut berlaku sebelum pokok-pokok kelapa sawit matang dan boleh dipungut hasilnya:

- i) Belian 10,000 hektar tanah yang belum diusahakan (milik bebas) pada kos RM20 juta. Lain-lain kos berkaitan perolehan tanah dan lesen berjumlah RM500,000
- ii) Kos pembinaan kilang ialah RM4 juta dan kos pembelian dan pemasangan mesin untuk kilang berjumlah RM2 juta.
- iii) Kos-kos pembinaan bangunan estet (bangunan pejabat, rumah untuk pekerja dan pengurusan, klinik dan gudang) dan infrastruktur am yang lain (seperti pendawaian telefon, elektrik, sistem air) berjumlah RM15 juta.
- iv) Kos mesin penanaman, peralatan dan kenderaan pengangkutan berjumlah RM1 juta.
- v) Kos terlibat untuk merata dan membuat kontor tanah berjumlah RM10 juta.
- vi) Kos pembinaan jalan, pagar dan lain-lain berjumlah RM2.5 juta dan RM1 juta daripadanya tetap.
- vii) Kos penanaman awal (kos penaburan benih, kos nurseri and lain-lain kos untuk bahan dan buruh) berjumlah RM2 juta.

...5/-

- viii) Kos penyelenggaraan dan penjagaan (seperti baja, merumput, kawalan serangga perosak, kawalan penyakit, buruh) berjumlah RM2 juta setahun untuk tiga tahun.

Pemungutan hasil tandan-tandan kelapa sawit bermula sebaik selepas tiga tahun. Tanah perladangan diperolehi dengan hak pegangan bebas.

Dikehendaki:

- i) Menerangkan bagaimana kos-kos yang berlaku dipermodal dalam akaun Teroka Sdn. Bhd.  
[5 markah]
  - ii) Mengira amaun angkut (carrying amounts) aset peladangan untuk direkod dalam kunci kira-kira pada 31 Disember 1998, dengan membezakan secara jelas amaun berhubung dengan kos prapungutan hasil. Juga, nyatakan usiaguna (angapan) untuk setiap kategori aset tetap  
[5 markah]
- (b) Secara tradisi, pokok-pokok getah ditanam untuk susunya. Kini ada syarikat yang menaman pokok-pokok getah di ladang semata-mata untuk kayunya. Mereka akan membiarkan pokok-pokok itu membesar untuk beberapa tahun dan menebang untuk kayunya apabila mencapai saiz yang dikehendaki. Tiada sebarang torehan dibuat.

Dikehendaki:

- i) Terangkan kenapa istilah anak pokok (rootstock) dan hasil tanaman (crops) terdapat dalam Piawai Perakaunan Malaysia (MAS 8) tidak boleh diterima pakai dalam penanaman kayu getah.  
[3 markah]
- ii) Apakah faktor yang boleh menukar nilai saksama (fair value) penanaman kayu getah daripada satu tempoh perakaunan ke tempoh yang lain.  
[7 markah]
- iii) Terangkan kenapa anda fikir bahawa terdapat alasan unik yang membuatkan lebih sesuai untuk menilai atau menyata penanaman kayu getah pada nilai pasaran dan bukannya kos sejarah.  
[5 markah]

...6/-

**SOALAN 5**

a) Terangkan bagaimana pendapatan berikut diiktiraf (recognised) dan diukur (measured) dalam isu aspek perakaunan bank dan institusi kewangan yang serupa dengannya menurut BNM/GP8.

- i) Pendapatan faedah [3 markah]
- ii) Yuran dan komisen pengurusan pinjaman [2 markah]

b) Dalam industri ekstraktif, banyak penerokaan (explorations) tidak berjaya dan ditinggal. Isu-isu yang menjadi pertikaian dalam profesyen perakaunan hingga kini ialah amalan perakaunan yang bagaimanakah paling sesuai untuk merekodkan kos-kos penerokaan yang terbukti tidak berjaya.

Dikehendaki:

Berikan kaedah-kaedah yang biasa diamal oleh syarikat yang menjalankan operasi ekstraktif untuk merekodkan kos-kos penerokaan yang terbukti tidak berjaya dan terangkan perbezaannya.

[10 markah]

---ooo000ooo---